



● BEKAS Yang Dipertua Agung Pas, Datuk Asri (dua dari kiri) disambut oleh ahli-ahli parti yang setia dengannya di lapangan terbang Sultan Ismail ketika beliau pulang ke Kota Bharu, baru-baru ini.

**SOALAN:** Apakah corak masa depan PAS di negara ini?

**JAWAB:** Ia akan terpuang kepada keadaan... sama ada PAS akan bersatu dalam suasana harmoni maupun kekal dilanda ribut. Sekiranya PAS masih dalam keadaan sekarang, ia nanti akan menjadi sebuah parti politik yang wujud semata-mata, tetapi tidak bertentangan.

**S:** Pada fikiran Datuk bolehkah cita-cita PAS untuk menegakkan negara Islam yang berasaskan undang-undang Islam serta Perlembagaan berdasarkan al-Quran disebarkan dengan jayanya ke seluruh negara, atau setakat di Terengganu dan beberapa kubu PAS sahaja?

**J:** Yang ditekankan sekarang ialah menambahkan fahaman dan keyakinan (terhadap cita-cita menegakkan negara Islam). Ini bukan soal melaksanakan, tetapi meningkatkan fahaman dan keyakinan. Kami harap ini boleh diperluas. Tapi jangan lupa, ia tidak boleh dilakukan secara paksa. Ia bukan sesuatu yang boleh dituntut atau ditonjolkan. Ia sesuatu yang diyakini. Kami tahu kejayaan perjuangan PAS tidak akan tercapai

melainkan orang ramai meyakini kami. Itulah maka usaha-usaha dakwah dan penerangan harus diteruskan dengan cara yang lebih baik supaya ia membangkitkan keyakinan dan bukan untuk menakut-nakutkan.

**S:** Adakah langkah UMNO mengaut dasar Islam telah menghempunkan pergerakan PAS?

**J:** Perkara ini (yakni dasar-dasar Islam) sepa-

lutunya tidak menjadi soal parti. Ini soal tubuh badan masing-masing. Bukan orang PAS sahaja beragama Islam. Orang lain pun Islam juga. Perbezaannya sekadar organisasi yang selama ini jelas memperjuangkan Islam ialah PAS. Tetapi sekarang UMNO juga tertarik (kepadanya) dan telah mengambil langkah untuk memajukan Islam dalam perjuangannya. Pada PAS, ini alhamdulillah, kerana soal menerapkan nilai-

nilai Islam bukan tugas PAS sahaja. Malahan, apa yang lebih penting pada pandangan PAS ialah supaya kerajinan melakukannya kerana ia mempunyai kuasa. Tidak timbul soal PAS takut UMNO akan menjadi lebih menarik minat orang ramai. Kami berjuang untuk kejayaan kaum muslimin, bukan parti. Kalau ada orang lain sanggup memikul beban, maka alhamdulillah. Jangan fikir kami khuatir kecenderungan

UMNO terhadap Islam akan merosakkan PAS. Tidak. Saya berani berkata terus terang apa yang dilakukan oleh UMNO adalah baik, dan kami menyokong mereka kalau mereka benar-benar mahu menurut dasar-dasar Islam. Lebih banyak mereka laksanakan lebih bagus, dan ini tidak akan merosakkan PAS.

**S:** Ada pemimpin PAS berkata projek-kekajeraan seperti Bank

# Asri: Soal Islam tidak sepatutnya jadi soal parti

Sedutan temuramah wartawan NST ZAINAH ANWAR dengan Datuk Asri

Islam dan Universiti Antarabangsa semata-mata melampaui tangan, bawakan UMNO tidak jujur.

**J:** Hanya Allah yang Maha Mengetahui sesuatu. Tidak perlu kita membahaskannya. Kita serahkan kepada Allah. Soalnya, UMNO mahu melaksanakannya, ia kita beri puljan kepada mereka. Lebih banyak lebih capai, lebih baik. Tidak ada apa yang akan berlaku ditakutkan kerana perjuangannya kita ialah kerana Allah, bukan kerana parti.

**S:** Pada fikiran Datuk adakah aliran radikal dalam PAS sekarang sedar arus yang akan berlaku dan pucuk pimpinan baru PAS terpaksa mengambil sikap sedemikian supaya ditertarikan oleh masyarakat Malaysia yang lebih luas?

**J:** Sama-samalah kita harapkan agar radikalisme ini hanya fenomena sementara. Tetapi kita patut merasa khawashi kalau-kalau ia menjadi sesuatu yang kekal. Amat mudah terjadi, kalau mereka mengami sikap cara mereka itu ialah sebenar-benarnya Islam. Tetapi, kalau mereka tidak ada cara ini bukan Islam, hanya suatu carumungkin mereka lebih matang di masa depan.

**S:** Selama 18 tahun Datuk meneraju PAS, apakah yang paling memburukkan kepuasan kepada Datuk?

**J:** Apa yang paling penting bagi saya, ialah saya rasa saya telah melakkan sesuatu yang membahayakan PAS ke tahap lebih bermakna dan berharga dalam arena politik negara. Soal tempoh-tempoh tenang dan kacau-kalah atau menang-pilihannya, hanyalah detil-detik dalam perjuangan parti.

**S:** Tidakkah untuk kebalikan semua orang Islam di negara ini kalaupun PAS dan UMNO bersatutentaga, mencapai cita-cita Islam?

**J:** Itu benar, itu benar. Adalah suatu yang boleh kita banggakan kalau kedua-dua parti boleh bergabung menjadi satu. Tetapi yang lebih penting bukanlah gabungan manusia, tetapi gabungan dasar dan buah fikiran dalam perjuangan. Kalau ini yang boleh disatukan, saya rasa kita akan mencapai puncak perjuangan kita.

**S:** Adakah Datuk fikir ini boleh terjadi?

**J:** Tidak ada apa yang mustahil.

**S:** Apa yang boleh membawa kepada gabungan ini?

**J:** Kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan bahawa masanya telah tiba bagi mengejar konsep perjuangan Islam secara terbuka dan luas bagi warganegara dari semua bangsa di negara ini.

**S:** Bagaimana masa depan Datuk?

**J:** Soal masa depan saya tidak timbul. Apa yang penting ialah masa depan PAS.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia